

PENDIDIKAN AKIDAH TERHADAP ANAK- ANAK : CABARAN IBU BAPA DALAM PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI MASA KINI

Noraziah Ahmad Nadzim

Mohd Nizam Sahad

Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Pendidikan akidah merupakan penanaman keyakinan kepada Allah S.W.T yang perlu diberikan kepada anak-anak sejak awal lagi. Akidah adalah dasar dan asas untuk membentuk peribadi Muslim yang kuat dan utuh . Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam pendidikan akidah amatlah penting dan perlu dilaksanakan dalam setiap keluarga Muslim. Tiga prinsip utama dalam Islam iaitu persoalan akidah, ibadah dan akhlak; ketiga-tiganya memiliki pautan antara satu dengan yang lain. Pendidikan akidah sangat bererti bagi seluruh umat Islam kerana Allah menciptakan semua makhluk-Nya untuk beribadah dan menyembah kepada-Nya sahaja, dan itu semua tidak dapat diperoleh kecuali dengan pendidikan yang benar; iaitu pendidikan akidah. Dewasa ini, kehidupan telah berkembang semakin maju dengan kecanggihan sains dan teknologi berikutan perkembangan zaman. Kehebatan material menjadi pengukur dalam segala hal meliputi kejayaan dan kebahagiaan seseorang . Justeru, pendidikan akidah adalah dasar utama bagi setiap individu Muslim agar menjadi hamba yang taat kepada-Nya. Ibadah seseorang tidak akan diterima oleh Allah S.W.T jika tidak memiliki akidah yang benar. Apabila seseorang memiliki akidah yang kuat, pasti akan melaksanakan ibadah dengan tertib, memiliki akhlak yang mulia dan bermu'amalat dengan baik. Kertas kerja ini bertujuan mengetengahkan isu berkaitan konsep pendidikan akidah dan kaitannya dengan akhlak anak-anak dalam zaman perkembangan sains dan teknologi masa kini. Penulisan ini memberi fokus terhadap peranan dan cabaran ibu bapa dalam memberi pendidikan akidah terhadap anak-anak dalam membentuk akhlak yang mulia. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian kepustakaan dengan menekankan aspek analisis kandungan (content analysis). Hasil penulisan ini mendapati pendidikan akidah membawa kepada amalan akhlak terpuji kepada anak-anak walaupun terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa. Adalah menjadi harapan penulisan berkaitan pendidikan akidah ini memberi tasawwur dan kefahaman terhadap konsep pendidikan akidah terhadap anak-anak dalam al-Qur'an agar difahami bagi tujuan peningkatan iman dan pembentukan akhlak yang mulia dalam kalangan anak-anak pada masa kini.

Kata kunci: Pendidikan akidah, akhlak, anak-anak, cabaran ibu bapa, sains dan teknologi

Pengenalan

Masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia semakin mendapat perhatian semua pihak. Maka ibu bapa perlu menerapkan anak-anak dengan pendidikan akidah sejak dari awal kehidupan anak-anak dalam mendepani cabaran kehidupan. Setiap Muslim haruslah mendidik diri dan keluarganya dengan cara memerintahkan mereka untuk mengerjakan kebaikan dan melarang mereka dari berbuat kejahanan. Kesolehan kedua ibu bapa merupakan teladan yang baik bagi anak, mempunyai pengaruh yang besar terhadap kejiwaan anak. Apabila kedua ibu bapanya mempunyai disiplin untuk bertakwa kepada Allah dan mengikuti jalan Allah, maka anak-anak akan mengikut membesar dalam ketaatan dan berbakti kepada Allah kerana mencontohi kedua ibu bapanya.

Menurut Rozana et al. (2008:154), kelonggaran ibu bapa dalam dalam aspek mendidik anak-anak dalam pembentukan jati diri Islam boleh mengakibatkan kelonggaran kepercayaan anak-anak dengan kepatuhan kepada agama sehingga melemahkan mereka dalam menghadapi dugaan dan kemungkinan mereka akan menyimpang daripada ajaran Islam. Ibu bapa tidak sepatutnya meletakkan sepenuh tanggungjawab memberi pendidikan agama kepada guru sahaja, namun perlulah diperkuuhkan lagi pengajaran agama itu di rumah seiring dengan segala yang dipelajari anak-anak di sekolah. Ini kerana, anak yang berjaya dalam bidang ilmu dunia belum tentu menjanjikan kebaikan kepada dirinya jika tiada ketakwaan kepada Allah. Hanya melalui pendidikan akidah, ibadah dan akhlak akan dapat mendidik anak ke arah kecemerlangan di dunia dan akhirat.

Pendidikan Akidah

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2003:13) pendidikan Islam dibina berdasarkan akidah Islam, iaitu akidah yang menyemaikan keyakinan kepada wujudnya Allah, menjelaskan dan menyatakan kepada umat Islam tentang Rukun Iman yang menjadi teras kepada akidah yang sahih. Akidah merupakan penyelamat manusia daripada kesesatan kepada petunjuk agama yang sebenar dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya Islam dan yang membezakan antara benar dan salah.

Akidah dapat ditakrifkan sebagai kepercayaan atau keimanan kepada hakikat-hakikat dan nilai-nilai yang mutlak, yang tetap dan kekal, yang pasti dan hakiki, lagi kudus dan suci seperti yang diwajibkan oleh Islam iaitu kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh jiwa sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apapun juga keadaan dan suasana (Mohd Sulaiman Haji Yasin 1988: 169-170). Akidah Islam yang menjadi asas kepada pendidikan Islam akan melahirkan manusia yang dapat membezakan antara baik dan buruk, antara petunjuk dengan sesat dan antara hak dengan batil dan antara iman dengan kufur. Manusia membuat pilihan berteraskan akal yang dipandu oleh ilmu dan seterusnya dapat menangkis segala cabaran hidup. Justeru, pendidikan akidah merupakan dasar utama dalam pembentukan keimanan seseorang Muslim yang membawa kepada pelaksanaan akhlak yang mulia bagi mencapai kesejahteraan di akhirat kelak.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1981) pendidikan keimanan (akidah) ialah memperkenalkan kepada anak-anak sejak mereka mula berakal kepada asas-asas keimanan, membiasakan mereka dengan Rukun Islam sejak awal lagi dan mengajar prinsip yang mulia semenjak usia tamyiz. Tujuan pendidikan akidah ini adalah untuk mengikat anak-anak dengan Iman dan Islam sejak lahir lagi supaya apabila besar kelak mereka akan memahami Islam sebagai ad-din, al-Quran sebagai al-Kitab dan Rasul sebagai teladan yang baik. Kepentingan pendidikan akidah ini dapat kita kesan melalui Sunnah Rasul sendiri; kanak-kanak diperdengarkan dengan kalimah Tauhid sewaktu kelahiran , mengajarkan sembahyang ketika berusia sepuluh tahun, mengajar kanak-kanak cintakan Rasul, ahli keluarga baginda dan membaca Al-Quran. Sekiranya anak-anak dididik dari kecil supaya beriman kepada Allah, maka akanlah generasi anak-anak yang berakhhlak mulia.

Kemajuan Sains dan Teknologi

Kelahiran sains dan teknologi telah mencorakkan perkembangan hidup yang mencabar dan berhadapan dengan pelbagai tuntutan baru. Dengan berlakunya pelbagai perkembangan baru seperti ledakan ilmu pengetahuan melalui komputer dan multimedia, generasi masa kini perlu mengorak langkah ke arah matlamat yang lebih jelas dan mengawal disiplin diri semasa mendalami ilmu teknologi maklumat. Dapatlah dilihat kemajuan sains dan teknologi memberi sumbangan dan pengaruh yang besar dalam pelbagai bidang terutamanya ekonomi, politik , pendidikan dan sosial.

Secara umumnya, Sidek Baba (2003) menyatakan teknologi merupakan alat dan bukannya matlamat dalam setiap persepsi agama dan ianya bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan sesuatu proses yang akan menghasilkan produk yang kreatif dan inovatif. Oleh yang demikian, teknologi maklumat merupakan sebahagian daripada ilmu pengetahuan yang mesti dipelajari. Oleh yang demikian, sains dan teknologi memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan seperti ilmu-ilmu yang lain.

Menurut Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2002), kewujudan produk berteknologi tinggi ini juga turut menyebabkan berlakunya kepincangan dan keruntuhan akhlak remaja Islam khususnya. Kebanyakan mereka seronok menghantar dan berkongsi profil peribadi, gambar tanpa menyedari maklumat mereka direkod pihak tertentu. Remaja menggunakan kemudahan teknologi telefon bimbit dan internet masa kini untuk bersosial dan mendapatkan hiburan. Mereka terdedah dengan pelbagai maklumat tanpa sempadan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pembanjiran maklumat yang tidak berguna dan boleh membantutkan usaha ke arah melahirkan manusia yang berilmu dalam mewujudkan budaya ilmu yang sihat (Chandra Muzaffar :1988).

Kecanggihan teknologi maklumat yang sedia ada akan mempercepatkan lagi proses penerokaan ilmu pengetahuan dan perkongsian maklumat serta perluasan bidang masing-masing. Oleh yang demikian, pelbagai gaya pembelajaran dapat dihasilkan dan disesuaikan mengikut masa dan situasi seperti penggunaan mel elektronik, perbincangan e-group dan persidangan teks, audio atau video. Chandra Muzaffar (1988) turut mengakui kecanggihan dan kepentasan jaring teknologi maklumat ini telah membolehkan pelajar-pelajar di seluruh dunia memanfaatkannya dalam bidang pendidikan.

Selain bidang pendidikan, kecanggihan sains dan teknologi turut menyumbang dalam aspek sosial. Teknologi telefon pintar juga dapat menghubungkan ikatan persaudaraan yang jauh kerana utusan dan khabar berita dapat disebarluaskan dengan segera dan lebih mudah. Selain itu, kecanggihan sains dan teknologi ini juga dapat membantu urusan ibu bapa dalam mengetahui pergerakan anak-anak dengan sentiasa berhubung dan bertanya khabar masing-masing sekiranya ibu bapa keluar bekerja atau menghadiri tugas luar. Anak-anak dibekalkan dengan talian

telefon pintar agar mudah dihubungi ibu bapa dan mudah mengulangkaji pelajaran dengan menggunakan aplikasi tertentu yang telah dimuatnaik. Namun terdapat kelonggarannya di situ apabila manusia lalai menggunakan teknologi tersebut. Dalam kepentasan penyebaran berita dan maklumat tersebut, perlulah diketahui status berita dan maklumat tersebut sama ada benar atau palsu semata. Ini kerana, silaturrahim sesama saudara juga boleh terputus dengan berlakunya fitnah dan syak wasangka.

Justeru, teknologi memang boleh membawa implikasi negatif dan positif terhadap sistem pendidikan dan peradaban manusia. Namun, kita perlulah mengimbangi situasi tersebut dengan akal yang diberikan dan bukannya berlandaskan nafsu semata. Teknologi juga merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk memudahkan sesuatu perkara. Lantaran itu, umat Islam khususnya tidak seharusnya menolak teknologi secara langsung mahupun tidak bahkan ia sepatutnya digunakan bagi tujuan pembangunan ummah (Raja Fariz Raja Alias 2000).

Cabaran Ibu bapa dalam pendidikan Akidah Anak-Anak Masa kini

Kesan negatif pengabaian ibu bapa dalam memimpin dan mendidik anak-anak mengikut kerangka Islam dapat diperhatikan melalui wujudnya fenomena keruntuhan akhlak remaja Muslim di Malaysia yang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji Muslim. Ketahanan diri remaja yang kian pupus menyebabkan sebahagian daripada anak-anak remaja Muslim terjebak dalam penagihan dadah, aktiviti-aktiviti jenayah, lepak, pengangguran, maksiat dan pelbagai gejala yang tidak sihat.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mendidik anak pada masa kini ialah masalah kewangan, tidak cukup masa untuk anak-anak, pengaruh rakan sebaya, masalah keluarga dan cabaran teknologi masa kini. Menurut Baayah (2015), ramai ibu bapa mengakui bahawa masalah kewangan telah mencuri masa ibu bapa bersama anak-anaknya. Ketiadaan masa membuatkan ramai ibu bapa memanjakan anak mereka dengan wang, dan menyebabkan anak-anak mengambil kesempatan untuk memuaskan hati masing-masing. Ketiadaan ibu bapa di rumah kerana mencari nafkah dan pulang lewat malam akan menyebabkan anak-anak terdorong mencari hiburan di luar bagi mengisi kekosongan.

Selain itu, cabaran teknologi seperti penggunaan telefon bimbit memberi ruang kepada anak-anak untuk membuang masa. Gejala telefon bimbit menjadi satu isu besar apabila penggunaannya disalahgunakan. Anak-anak dibekalkan dengan telefon bimbit dan jaringan internet bagi berhubung dengan ibu bapa dan tujuan pendidikan namun disalah gunakan dengan menghabiskan masa dan melalaikan dengan bersosial bersama rakan-rakan di talian. Pelbagai jenis aplikasi dan permainan boleh dimuat turun dan masa-masa anak-anak banyak terbuang dan menjadi sia-sia. Ibu bapa juga terlalu leka dengan media sosial sehingga berlakunya kelalaian dalam mendidik anak-anak. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan kebaikan perkembangan teknologi masa kini, namun perlulah dikawal penggunaannya terhadap anak-anak agar tidak disalahgunakan.

Media elektronik masa kini juga menyajikan pelbagai rancangan berunsurkan hiburan semata-mata dan melalaikan anak-anak. Tayangan filem dari Barat memaparkan kehebatan sains dan akal ternyata memberi konflik kepada pemikiran anak-anak yang lebih kecil. Filem aksi dan ganas juga dilihat mempengaruhi tingkah laku anak-anak ke arah sikap negatif. Anak-anak terdedah dengan tayangan tanpa sekatan dan bebas mendapatkan hiburan yang diinginkan. Dalam kesibukan dan kekangan masa ibu bapa dalam tuntutan mencari nafkah kepada ibu bapa, adalah disarankan kepada ibu bapa menggunakan masa yang ada dengan berkualiti bersama anak-anak untuk memberi pendidikan akidah secara tidak langsung. Ibu bapa perlulah menunjukkan kepimpinan mereka dan berperanan sebagai kawan baik kepada anak-anak mereka (Baayah ,2015).

Anak-anak yang baik pekertinya menjadi iguan dan harapan semua ibu bapa. Tidak semua anak dapat dididik dengan cara mudah. Allah menduga manusia dengan cara berbeza di mana anak itu satu anugerah malahan juga sebagai ujian kepada ibu bapanya. Namun, sebagai ibu bapa, mereka mestilah berusaha sedaya upaya tanpa putus asa menjalankan kewajipan memimpin anak-anak menuju ke syurga Allah.

Perbincangan: Peranan Ibu bapa dalam Pendidikan Akidah

Pendidikan akidah merupakan tunjang utama kepada kedaulatan ajaran Islam. Hanya amal ibadat yang bersih daripada sebarang unsur syirik yang diterima di sisi Allah.

Takrif syirik ialah sebarang pernyataan atau ungkapan yang meletakkan kedudukan Allah setaraf dengan makhluk, mengingkari kewujudan Allah atau menyifatkan Allah dengan sesuatu sifat kekurangan.

Corak pendidikan yang dilaksanakan oleh ibu bapa sangat mempengaruhi perkembangan pendidikan anak-anak pada masa hadapan. Ibu bapa dianggap sebagai pemberi contoh terawal kepada anak-anak. Ini disebabkan segala pengajaran dan pengalaman yang mereka terima melalui interaksi dengan ibu bapa bermula sejak hari pertama kelahiran lagi. Pengalaman dan pengajaran ini bersemadi dalam jiwa anak-anak sebelum mereka keluar berinteraksi dengan masyarakat. Anak-anak akan terselamat daripada sebarang bentuk fitnah atau kesalahan dan jenayah jika mereka mendapat pendidikan yang baik. Justeru ibu bapa mesti melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak ke arah mencari keredhaan Allah agar terselamat daripada api neraka di akhirat kelak.

Ibu bapa sebagai contoh teladan

Abdul Salam (2003: 150) menyatakan ibu bapa juga berperanan mendidik anak-anak mereka dengan pendidikan akidah tetapi dengan pendekatan tidak formal. Pendidikan akidah sewajarnya tidak patut dilepaskan kepada para guru sahaja malahan pendidikan awal akidah kepada anak-anak hendaklah dimulai dengan ibubapa. Beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa dalam mendidik akidah anak-anak, antaranya ibu bapa sebagai ikutan atau *role-model*, sebagai pendidik, sebagai pendorong dan sebagai penyampai ilmu.

Peranan utama ibubapa ialah menjadi *role-model* kepada anak-anak. Segala perbuatan yang dilakukan ibu bapa akan diikuti oleh anak-anak. Oleh itu, para ibu bapa perlu menunjukkan contoh teladan terbaik dalam akidah kepada anak-anak. Ibu bapa merupakan pencorak agama anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa boleh memperkenalkan cerita-cerita para rasul dan orang soleh kepada anak-anak. Pendedahan kepada al-Quran boleh mendidik anak-anak mengenali dirinya dan agamanya. Dengan ini, pegangan agama dan akidah akan tersemat erat dalam diri kanak-kanak dan boleh menghubungkan segala aspek kehidupan dengan pegangan akidah.

Ibu bapa berperanan sebagai penghalang utama kepada pengaruh negatif yang mungkin menyerang anak-anak daripada pelbagai sudut seperti bahan bacaan, hiburan dan keadaan sekeliling. Di samping itu, ibu bapa berperanan sebagai penyampai ilmu terutamanya berkaitan akidah dan keimanan dan tatacara kehidupan Muslim. Justeru, ibu bapa semestinya mengambil berat berkenaan pendidikan akidah anak-anak.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1995: 177-200), beliau mengemukakan pesanan Rasulullah SAW kepada ibu bapa berkaitan pendidikan akidah. Antaranya ialah perintah memulakan pengenalan anak dengan kalimah shahadah, mengenalkan anak dengan halal dan haram, menyuruh anak beribadah sejak berumur 7 tahun dan mendidik anak-anak mencintai Rasulullah SAW serta membaca al-Quran. Pendidikan akidah kepada anak-anak perlu dimulakan sejak usia tamyiz atau tahu membezakan antara baik dan buruk dalam lingkungan 5-7 tahun. Bimbingan hendaklah secara berterusan dan berperingkat sehingga anak-anak dapat mengenal ciptaan Allah menerusi pancaindera dan terpahat dalam akal fikiran mereka.

Mengenal Kekuasaan Allah

Al-Quran menceritakan kegigihan Luqman Al-Hakim mendidik anaknya sehingga menjadi anak soleh dan beriman kepada Allah. Penekanan beliau dalam mendidik anak mencakupi dua aspek utama iaitu menjalin hubungan dengan Allah dan memelihara hubungan baik sesama manusia. Ikatan hubungan seseorang hamba dengan Allah mampu melahirkan seorang anak yang memiliki akidah yang mantap, taat kepada Allah dan menjauhi larang-Nya. Ketaatan kepada Allah adalah hasil didikan beliau yang mencakupi pendidikan tentang persoalan tauhid, pengetahuan tentang Allah, hari akhirat dan pembalasan setiap perbuatan manusia.

Pendidikan akidah kepada anak-anak boleh dilakukan dengan membimbang anak-anak dengan cara mengenalkan kepada kuasa Allah dengan cara pemerhatian kepada ciptaan langit dan bumi yang luar biasa . Ibu bapa hendaklah menanam rasa khusyuk, takwa dan perhambaan kepada Allah dalam diri anak dengan memerhati kekuasaan Allah. Selain itu, mendidik anak dengan perasaan ingat kepada Allah dalam segala hal dan gerak geri mereka akan mendidik anak melakukan perkara yang disuruh Allah serta menjauhi larangannya (Rosnaaini et al.2012).

Allah Tempat Kembali Dan Pemberi Balasan

Dalam pendidikan terhadap anak-anak, Luqman al-Hakim menekankan kepada peringatan iaitu Allah tempat kembali dan pemberi balasan. Allah menegaskan bahawa pada hari akhirat kelak semua manusia akan kembali kepada-Nya. Sesungguhnya manusia selepas mati akan dikembalikan semula kepada Allah. Allah akan menghitung dan menceritakan segala pekerjaan yang dilakukan di dunia sama ada baik atau buruk. Allah juga akan membalaas setiap amalan perbuatan manusia di dunia setimpal dengan apa yang diusahakan mereka. Allah merupakan tempat kembali keseluruhan manusia pada hari akhirat kelak untuk menerima hukuman dan ganjaran hasil perbuatan mereka di dunia.

Keimanan kepada Allah dan hari akhirat boleh mencegah seseorang hamba daripada melakukan yang buruk dan mungkar. Luqman al-Hakim menyatakan, Allah SWT menyuruh setiap orang beriman supaya memikirkan tentang balasan perbuatan baik dan jahat yang akan dipertanggungjawabkan pada hari akhirat kelak. Keimanan kepada hari akhirat dan pembalasan Allah merupakan ingatan dan ancaman yang sangat berkesan kepada pembentukan iman dalam hati. Nasihat beliau juga akan menimbulkan sifat berhati-hati dalam setiap tindak tanduk terutama perbuatan yang halus dan tersembunyi (Rosnaaini et al. 2012: 53).

Allah Maha Mengetahui

Menurut Rosnaaini et al. (2012: 51-52), Luqman al-Hakim turut mengingatkan anak-anak tentang kehalusan dan kesyumulan ilmu Allah SWT. Anak-anak juga perlu dididik dengan kekuasaan Allah yang sangat adil dan teliti. Semuanya menggambarkan tentang ilmu pengetahuan yang sangat luas dan kekuasaan Allah yang sangat tinggi. Pendidikan akidah ini mampu membina keyakinan yang teguh kepada Allah, manakala kepercayaan pada hari akhirat dan pembalasan Allah merupakan ingatan dan ancaman yang sangat berkesan kepada pembentukan iman dalam hati. Ini juga akan menimbulkan sifat berhati-hati dalam setiap tindak tanduk terutama perbuatan yang halus dan tersembunyi.

Pemantapan akidah yang telah wujud dalam jiwa melalui amalan *tawajjuh* kepada Allah dengan ibadat solat. Ibadat solat merupakan amalan mulia yang dilakukan semata-mata untuk

mengabdikan diri kepada Allah swt. Sesungguhnya solat itu dapat mencegah manusia daripada melakukan kemungkaran kepada Allah SWT.

Rumusan

Secara sedar atau pun tidak, sains dan teknologi menyelinap masuk ke dalam setiap aspek kehidupan. Islam secara amnya tidak menolak kemajuan dan kemodenan namun haruslah disertai dengan disiplin diri dan keimanan yang kuat dalam menghadapi arus ini. Meskipun pelbagai rintangan dan cabaran yang melanda, kesatuan hati dan fikiran mestilah wujud dalam setiap diri umat Islam.

Diharapkan dengan penulisan ini akan membantu ibu bapa khususnya agar dapat mengambil peranan sebagai pemimpin keluarga dalam membentuk personaliti Islamik anak-anak walaupun dalam kesuntukan masa dan desakan hidup yang semakin meruncing pada masa kini. Sesungguhnya masa bersama anak-anak itu merupakan detik berharga dalam membentuk generasi yang soleh dapat berbakti kepada ibu bapa, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Selain itu, diharapkan agar penulisan ini dapat memberi manfaat kepada ibu bapa agar mempraktikkan pendidikan akidah yang bersesuaian dalam berhadapan dengan cabaran hidup masa kini. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan akidah awal anak-anak akan dapat membentuk akhlak mulia pada diri anak-anak dalam menghadapi cabaran dan realiti masa kini. Dengan keyakinan dan pegangan akidah yang kukuh akan dapat menghindarkan anak-anak daripada melakukan perbuatan mazmumah. Ini kerana akidah merupakan perisai dan mengawal sikap mereka. Sebaliknya jika akidah longgar, tingkah laku akan menjadi buruk dan tidak menentu.

Rujukan

Al Quran Al Karim

Abdullah Nasih Ulwan .1993. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, Jilid 2. Pustaka Nasional Pte Ltd: Singapura

Abdul Salam Muhamad Shukri. 2003. *Panduan Mengajar Aqidah Kepada Kanak-Kanak*.Pahang : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Mohd Salleh. 2003. *Pendidikan Islam, Falsafah Sejarah dan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti

Azizi Yahya, Halimah Ma'alip, Zuhaimy Ismail.(2013). *Teknik Berkesan Mendidik Anak*, Johor:UTM Press

Baayah Baba,2015, *Mendidik Anak Abad 21 Satu Pengalaman*, Bangi: MPWS Rich Resources.

Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Fauziah Hanim Jalal, Zanariah Noor, Wahibah Twahir @ Tahir .2009 .*Model Penghayatan Keibubapaan Islam*: Satu Kajian Ke Atas Keluarga Muslim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1988). Pengantar Akidah ,Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf et.al. 2002 , *Kurikulum Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*, Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1),Fakulti Pendidikan UKM.

Raja Fariz Raja Alias. 2000. *Penglibatan Umat Islam Dalam Dunia Teknologi Maklumat*. Perak : Pustaka Muda Sdn.Bhd.

Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah. 2012, *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman*, Kedah: UUM Press, Universiti Utara.Malaysia

Rozana Abdul Rahim, NorHashimah Hashim. 2008. *Penglibatan Ibu bapa dalam Pembentukan Jati Diri*, Seminar Kebangsaan Pendiidkan Awal Kanak-kanak dan Pendidikan Khas 2008, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Sidek Baba. 2003. *Globalisasi dan Cabaran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).